

Akta Rekabentuk Industri dirangka

4 JUN 1993

KUALA LUMPUR 3 Jun — Kerajaan sedang merangka Akta Rekabentuk Industri untuk dibentangkan di Parlimen bagi melindungi teknologi golongan intelek tempatan dan pelabur asing di negara ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu, akta tersebut juga bertujuan untuk melicinkan proses pemindahan teknologi asing secara teratur ke negara ini selepas Akta Paten diperkenalkan pada tahun 1986.

"Para pelabur asing boleh membawa masuk teknologi mereka ke Malaysia dengan bebas setelah mengetahui ia akan mendapat perlindungan sewajarnya di negara ini," katanya ke-

tika berucap pada Majlis Pelancaran Sisipan Khas mengenai Kapasiti dan Keupayaan Teknikal Malaysia di majalah *Scientific American* edisi April 1994 di sini hari ini.

Dibentang

Difahamkan Akta Rekabentuk Industri kini sedang disiapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebelum dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menjelaskan, perlunya rakyat Malaysia di tahun 2020 mengikis sikap menjadi pelanggan teknologi asing kepada penyumbang utama teknologi dan penemuan saintifik terbaru.

"Salah satu karektor yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia pada tahun 2020 ialah masyarakat saintifik yang progresif, inovatif, berpandangan jauh dan wawasan ini bukanlah angan-angan," katanya.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah seperti membiayai program Penyelidikan Secara Intensif Bidang-Bidang Keutamaan (IRPA) yang dijalankan di universiti-universiti dan pusat-pusat penyelidikan tempatan.

Selain daripada itu menurut beliau, kerajaan bersama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) kini memainkan peranan aktif untuk

menyemaikan budaya inovatif di kalangan rakyat Malaysia menerusi beberapa kegiatan termasuklah pertandingan rekacipta tahunan.

Usaha ini kata Dr. Mahathir, berjaya membuahkan hasil apabila beberapa pelabur tempatan berjaya memenangi enam pingat termasuk satu emas dalam Pameran Inovasi di Geneva baru-baru ini.

Bidang

Berhubung bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), beliau memberitahu, kerajaan telahpun meningkatkan peruntukan negara dalam bidang tersebut dengan melipat gandakan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) dari 0.8 peratus kepada

1.6 peratus antara tahun 1990 hingga tahun 2000.

"Langkah juga sedang diambil untuk menjadikan penemuan saintifik tempatan lebih komersil supaya pembangunan dan keaslian teknologi tersebut terpelihara dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)," kata Perdana Menteri.

Mengenai Sisipan Khas Majalah *Scientific American*, beliau menggesa para pelabur tem-

patan menggunakan peluang itu untuk memaklumkan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai kapasiti dan keupayaan teknikal yang boleh menggalakkan persaingan perniagaan menjelang tahun 2020.

Majalah *Scientific American* yang dipasarkan di lebih 143 buah negara di seluruh dunia akan memuatkan sisi-pan khas mengenai Wawasan 2020 Perdana Menteri, teknologi dan infrastruktur perniaga-

an di Malaysia serta pembangunan teknologi dan kegiatan keusahawanan tempatan.

Majalah bulanan yang beribu pejabat di Amerika Syarikat itu memuatkan sisipan khas tersebut sempena ulang tahunnya yang ke 150 pada April 1994. Sehingga kini *Scientific American* dibaca oleh lebih dua juta penduduk dunia yang kebanyakannya terdiri daripada golongan cendekiawan dan berpengaruh.